



Betulkah Dār al-Islām Pemberontak?

Abdul Rahman Ilyas Kuala Kangsar Perak, bertanya:

Selalu orang mengatakan tentera Dār al-Islām sebagai penjahat – suka buat kacau hendak menegakkan negara Islam seluruh Indonesia yang memeluk berbagai-bagai agama. Adakah kita boleh memaksa seseorang memeluk agama kita? Pertanyaan yang akhir ini saya datangkan kerana heboh orang mengatakan bahawa tentera Dār al-Islām menawan orang yang beragama lalu memaksa mereka memeluk agama Islam.

Jawab: yang mengatakan tentera Dār al-Islām sebagai penjahat itu ialah musuh-musuh mereka. Bahawa yang baik pada pandangan mereka ialah tentera Indonesia yang telah banyak menembak umat Islam sama ada yang berjuang di dalam Dār al-Islām atau pun yang hanya berpolitik Islam. Apakah kejahatan seseorang tentera Islam yang berjuang menegakkan kalimah Tuhan?

Di Indonesia, yang terbanyak ialah pemeluk-pemeluk yang beragama Islam dan setelah melihat itu maka bagi umat Islam Indonesia diwajibkan menghukum dengan hukum Allah kerana jika mereka tidak menghukum dengan hukum Allah mereka akan jadi kafir, fasiq dan zalim. Sebab itulah mereka diwajibkan berjuang menegakkan kalimah Tuhan, menegakkan negara Islam kerana dengan tegaknya negara Islam itulah sahaja hukum-hukum Allah akan dapat dijalankan.

Soalan-soalan hendaklah jangan berlebih-lebih kerana akan menyulitkan kita untuk menjawabnya. Soalan-soalan agama yang selalu terjadi dalam masyarakat adalah diutamakan dari yang lainnya – bertanyalah!!!

Tentang paksaan kepada orang-orang memeluk agama Islam dengan sifat perjuangan itu tidak boleh disatukan.

Kita yakin tidak ada paksaan yang dilakukan. Ini hanya dakyah semata-mata, dakyah daripada orang-orang Komunis yang diulukan oleh Sukarno untuk memburukkan orang-orang Islam; tetapi kalau kezaliman terhadap orang-orang Islam boleh didengar sendiri terutamanya dalam perjuangan sekarang sehingga ada orang yang digantung kakinya ke atas, diseksa dengan berbagai-bagai seksaan.

Fitnah-fitnah menyatakan paksaan dihadapkan kepada orang-orang yang bukan Islam supaya memeluk agama Islam itu ialah “filem” lama yang dihadapkan oleh musuh-musuh Islam kepada Islam terutamanya di Indonesia kerana dakyah yang keluar dari Indonesia hanya dari sebelah pihak sahaja. Di sini dapatlah hendaknya kita maklum!

* * *

Berjamaah

Alwi bin Awang Tong, Ikhwan 2865 Kampung Ulu Sani, Raub Pahang, bertanya:
“Sekiranya imam batal sembahyangnya pada masa ia menjadi imam bagaimana makmum hendak mengganti tempat imam itu iaitu menjadi imam pula – adakah makmum mengikut batal atau tidak kerana imamnya sudah tiada?”

Jawab: untuk masalah ini supaya lebih panjang Bahasnya kami silakan tuan membaca buku pelajaran